



**PEKELILING PESURUHJAYA TANAH PERSEKUTUAN
BILANGAN 1/2007**

**KEPERLUAN MENDAPATKAN PENGESAHAN
DARIPADA JKPTG NEGERI BAGI PERMOHONAN
TANAH (UNTUK MENDAPATKAN HAKMILIK/RIZAB)
UNTUK KEGUNAAN KERAJAAN PERSEKUTUAN OLEH
KEMENTERIAN/JABATAN PENGGUNA (KJP)
DAN FEE PERMOHONAN TANAH**

**JABATAN KETUA PENGARAH TANAH DAN GALIAN
KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN SEKITAR**

PEKELILING PESURUHJAYA TANAH PERSEKUTUAN BIL 1/2007

Keperluan Mendapatkan Pengesahan Daripada JKPTG Negeri Bagi Permohonan Tanah (Untuk Mendapatkan Hakmilik/Rizab) Untuk Kegunaan Kerajaan Persekutuan Oleh Kementerian/Jabatan Pengguna (KJP) Dan Fee Permohonan Tanah

Pekeliling ini dikeluarkan bertujuan untuk:

- (i) memudahkan KJP memastikan status tanah yang hendak dipohon adalah **tanah Kerajaan Negeri (State Land) sahaja**;
- (ii) membolehkan JKPTG Negeri membantu KJP mengenal pasti lokasi yang sesuai untuk projek Kerajaan Persekutuan; dan
- (iii) membolehkan JKPTG Negeri membuat persediaan awal bagi pemantauan permohonan tanah ini.

2. Pesuruhjaya Tanah Persekutuan (PTP) adalah bertanggungjawab untuk memohon tanah bagi pihak Kerajaan Persekutuan kepada Kerajaan Negeri. Sementara itu tugas KJP adalah mengenal pasti tapak, mengemukakan permohonan kepada PTP di dalam borang yang ditetapkan serta menyediakan peruntukan yang mencukupi untuk membayar premium dan lain-lain caj yang dikenakan oleh Pihak Berkuasa Negeri (PBN).

3. Tanah-tanah yang boleh dipohon oleh KJP bagi tujuan mendapatkan Hakmilik/Rizab hanya tanah-tanah yang berstatus **tanah kerajaan (State Land) sahaja**. Berdasarkan pengalaman Jabatan ini di dalam menerima permohonan-permohonan di atas, terdapat tanah-tanah yang dipohon oleh KJP berstatus **tanah rizab persekutuan kegunaan kementerian lain dan tanah milik persendirian**.

4. Sehubungan dengan itu perkara di atas, semua KJP hendaklah mendapatkan surat pengesahan daripada JKPTG Negeri mengenai status tanah sebelum mengemukakan permohonan kepada PTP. Surat ini hendaklah disertakan bersekali dengan Borang Permohonan Tanah (Jadual 1 Kepada Peraturan Tanah Negeri atau Borang-borang lain seperti yang ditetapkan oleh Pejabat Tanah) dan dikemukakan kepada:

Ketua Pengarah Tanah Dan Galian,
Jabatan Ketua Pengarah Tanah Dan Galian,
Kementerian Sumber Asli Dan Alam Sekitar
(Seksyen Harta Tanah Persekutuan)
Aras 2-4, Blok Menara,
No. 25, Persiaran Perdana,
Wisma Sumber Asli, Presint 4,
62574 Putrajaya.

5. Setiap permohonan tanah perlu disertakan dengan bayaran (*Fee*) permohonan seperti yang ditetapkan di dalam Kaedah Tanah Negeri. Pentadbir Tanah boleh menolak permohonan yang dikemukakan tanpa disertakan dengan bayaran ini. Mengikut amalan sekarang, pihak KJP hanya mengemukakan permohonan kepada PTP tanpa bayaran dan PTP pula semasa memanjangkan permohonan tersebut kepada Pejabat Tanah akan meminta KJP mengemukakan bayaran tersebut terus kepada Pentadbir Tanah. Berdasarkan amalan ini Pentadbir Tanah **tidak akan** memproses permohonan tersebut sehinggalah bayaran dibuat. Ini merupakan salah satu sebab berlakunya kelewatan Pejabat Tanah memproses permohonan tersebut.

6. Sehubungan dengan perkara ini, di dalam borang pengesahan tersebut ada dinyatakan jumlah *fee* yang perlu dibayar. Mulai dari tarikh kuatkuasa Pekeliling ini, semua permohonan di perenggan 5 di atas hendaklah disertakan dengan *fee* permohonan di dalam bentuk cek (berpalang), kiriman wang atas nama Pentadbir Tanah berkenaan.


7. Contoh Borang Pengesahan tersebut adalah seperti di **Lampiran 'A'**.

8. Semua permohonan tanah yang **tidak disertakan**:
- (i) Borang Permohonan (seperti dalam Jadual 1 Peraturan Tanah Negeri / atau lain-lain borang yang ditetapkan);
 - (ii) Borang Pengesahan Status Tanah; dan
 - (i) Fee Permohonan

akan ditolak oleh ***Pesuruhjaya Tanah Persekutuan***.

9. Pekeliling ini hanya berkuatkuasa di Semenanjung Malaysia sahaja dan **tidak** di Sabah dan Sarawak.

10. Pekeliling ini berkuatkuasa mulai **1 Januari 2008**.



(DATO' ZOAL AZHA BIN YUSOF)
Pesuruhjaya Tanah Persekutuan.

Tarikh : 24 Oktober 2007

LAMPIRAN A

BORANG PENGESAHAN STATUS TANAH OLEH JKPTG NEGERI

Ketua Setiausaha
Kementerian.....

Tuan,

**Pengesahan Status Tanah Untuk Permohonan Tanah Oleh PTP Melalui
Kementerian / Jabatan Pengguna (KJP)**

Merujuk kepada perkara di atas, setelah disemak didapati bahawa tanah yang akan dipohon oleh PTP adalah tanah;

- (ii) Tanah Kerajaan Negeri yang telah dipersetujui oleh KJP; *
atau
- (iii) Tanah Kerajaan Negeri akibat pengambilan tanah untuk *
Projek Persekutuan (Borang K disertakan)

2. Bersama ini disertakan pelan tapak berkenaan.
3. Fee permohonan ini ialah RM.....
Dan hendaklah dibayar atas nama Pentadbir Tanah

Sekian, terima kasih.

**Pengarah
JKPTG Negeri**

* Tanda (/) di petak yang berkenaan.

s.k.

1. JKPTG (SHTP)
2. Jabatan